

---

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 2002/2003

Februari/Mac 2003

**JMK 214 – Kajian Teks Kesusastraan Melayu Klasik Terpilih**

Masa: 3 jam

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Pilih dan jawab EMPAT soalan sahaja.

Baca arahan dengan teliti sebelum anda menjawab soalan.

Setiap soalan diperuntukkan 25 markah.

1. Huraikan dengan jelas teknik penyampaian teks Syair Sultan Maulana.  
(25 markah)
  
  2. Bincangkan dengan terperinci peranan Lambu Mangkurat seperti yang diceritakan dalam teks Hikayat Banjar.  
(25 markah)
  
  3. Dalam Hikayat Merong Mahawangsa terdapat tiga (3) cerita yang sangat menarik iaitu cerita Raja Bersiung, Cerita Syeikh Abdullah belayar bersama-sama penghulu Iblis dan cerita Burung Geruda bercakap takbur.  
Anda dikehendaki memilih satu (1) sahaja daripada cerita-cerita di atas dan bincangkan dengan jelas tentang pengajaran yang terdapat daripadanya.  
(25 markah)
  
  4. Pengarang teks Hikayat Hang Tuah telah menggambarkan watak dan perwatakan Hang Tuah cukup sempurna, hampir-hampir menyamai watak supernatural. Tetapi pembaca yang teliti dapat mengesan kelemahan-kelemahan yang terdapat pada diri Hang Tuah itu kerana dia adalah manusia biasa.  
Anda dikehendaki menghuraikan tiga (3) kelemahan yang sangat ketara yang terdapat pada watak Hang Tuah itu.  
(25 markah)
  
  5. “Pengarang Sejarah Melayu dari peringkat awal lagi telah mengemukakan dengan amat yakin bahawa bangsa Melayu yang menjadi pusat tumpuannya di dalam Sejarah Melayu itu wujud atas satu falsafah atau etos politik yang diwarisi turun temurun. Falsafah ini dirakamkan dalam bentuk *wa'adat* di antara Sang Sapurba (Raja Melayu Pertama) dan Demang Lebar Daun (Bendahara Pertama) yang dimeterai di Bukit Siguntang”.
- Ali Ahmad, Kesusasteraan Melayu di dalam Tasawur Islam,  
USM, 1989.
- (a) Apakah syarat-syarat *wa'adat* di antara Raja-Rakyat itu?
  - (b) Apakah musibah yang menimpa negara Kota Melaka akibat daripada tidak mematuhi *wa'adat* itu?  
(25 markah)

6. Bincangkan tentang kezaliman yang dilakukan oleh Sultan Ahmad Pramudal Perumal ke atas anak-anaknya seperti yang terdapat dalam Hikayat Raja-Raja Pasai. Apakah akibat daripada kezaliman tersebut yang menimpa baginda dan negeri Pasai ?

(25 markah)

7. Tulis satu esei ringkas mengenai Raja Ali Haji pengarang teks Tuhfat al-Nafis.

(25 markah)